

MOTIF DAN CORAK RAMA-RAMA DI
DALAM
SENIREKA PAKAIAN

OLEH
ROSNI BT AHMAD

JABATAN SENIREKA FESYEN
KAJIAN SENILUKIS DAN SENI REKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Penghargaan	I
Pendahuluan	II
Sinopsis	VI

Isi Kandungan

Bab 1

1 -1	Sejarah awal perkembangan pakaian	1
1 -2	Definisi dan fungsi pakaian	3

Bab 2

Motif dan Corak		
Pengenalan		4
2.1	Perkembangan rekaan motif dan corak di dalam pakaian secara menyeluruh	7
2.2	Jenis-jenis motif dan corak	10
2.3	Keberkesanan penggunaan motif dan corak di dalam penjenisan pakaian	16

Bab 3

Motif dan corak rama		
Pengenalan		13
3.1	Keterangan ringkas mengenai spesis & jenis rama-rama	19
3.2	Riwayat hidup rama-rama	28
3.3	Sifat-sifat rama-rama	37
3.4	Motif, corak dan warna rama-rama	41
3.5	Fungsi rama-rama kepada manusia dan alam	44

Penghargaan.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga di atas kurniaan Allah (s.w.t) yang telah memberikan saya kesempatan untuk menjalankan tugas ini dengan sempurna. Walaupun terdapat sedikit kekurangan, namun sebagai manusia biasa, saya turut mengakui kelemahan ini. Berbekalkan semangat yang kental dan keazaman yang kuat, saya cuba juga untuk menyempurnakan tesis ini dengan sebaik mungkin. Memang saya tidak menafikan banyak dugaan dan cabaran yang harus ditempuhi sepanjang saya terlibat didalam penyelidikan ini. Namun saya bersyukur kerana segalanya dapat di atasi dengan baik.

Di samping itu juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada ‘emak’ dan ‘ayah’ tercinta yang terus dorongan, semangat dan galakkan kepada saya agar terus belajar walaupun didalam keadaan yang serba kepayahan. Dorongan serta iringan doa restu mereka sepanjang saya berada disini tetap saya sematkan di dada ini. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan mereka amat besar kepada saya. Mereka adalah sumber inspirasi yang terulung dan terbaik pernah saya temui.

Ribuan terimakasih sekali lagi diatas berkat ketabahan mereka menerima hakikat bahawa anak mereka yang satu ini tidak dapat meluangkan waktu yang cukup semata-mata untuk melihat tesis ini diselesaikan dengan jayanya. Sesungguhnya waktu yang berlalu itu amat berharga dan tidak mungkin dapat diulang kembali. Di sini saya mengenali erti hidup sebenar yang sering menuntut sebuah ketabahan, kecekalan dan keinsafan. Tanpa pengertian mereka semua, tidak mungkin saya dapat berdiri disini pada saat ini.

Tidak lupa juga buat insan ‘teristimewa’ yang jauh. Sesungguhnya anda merupakan sumber inspirasi yang kukuh dan bayangan anda sering mendorong saya untuk terus gigih dan tabah menghadapi cabaran ini. Jasamu akan tetap saya

PENDAHULUAN.

Alhamdulillah, dengan izin Allah (s.w.t) dan limpah kurnianya juga berkat dorongan dari mereka-mereka yang sentiasa hampir dengan saya, kedua ibubapa saya, juga bantuan dan sumbangan dari pihak-pihak yang terbabit, dapatlah saya melaksanakan tesis ini dengan jayanya.

Tesis yang berjudul 'Motif, corak dan warna rama-rama didalam senireka pakaian' .Ini adalah merupakan objek pengkajian saya di mana saya cuba mengkaji tanggapan-tanggapan umum terhadap kemampuannya sebagai satu sumber rekacorak didalam pakaian. Ianya juga meliputi keterampilan sebagai satu motif yang dapat memberi saingan khususnya kepada motif-motif dan corak-corak yang telah lama wujud.

Umumnya penyelidikan saya meliputi kawasan-kawasan di Kuala Lumpur, Shah Alam dan juga Pulau Pinang. Di samping itu juga saya cuba mencari pelbagai sumber rujukan yang lain yang dirasakan dapat membantu saya melengkapkan isi kandungan tesis saya ini.

Anataranya termasuklah untuk mendapatkan khidmat daripada para pereka tekstil dan fesyen sekitar Kuala Lumpur. Tidak ketinggalan juga kepada pihak-pihak yang terbabit di sekitar Central Market.. Tidak lupa kepada orang ramai yang telah sudi untuk ditemuramah . Sesungguhnya mereka semua merupakan 'nadi' penggerak kearah pelaksanaan tesis ini.

Di samping itu juga saya sempat menemuramah beberapa pereka fesyen di sekitar Kuala Lumpur untuk mendapatkan pandangan mereka terhadap penggunaan motif , corak dan warna rama-rama di dalam senireka pakaian.

SINOPSIS.

a) Tujuan dan Objektif.

Setiap apa yang kita yang kita lakukan didalam hidup kita tentunya mempunyai tujuan dan objektifnya yang tersendiri . Semoga apa yang kita lakukan akan diberkati Allah(s.w.t). Objektif pengkajian ini adalah untuk mendekatkan lagi diri kita kepada menghayati ciptaan tuhan.Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa rama-rama itu adalah sejenis serangga yang amat unik dan menarik jika di bandingkan dengan serangga-serangga lain di dunia ini .

Jika kita memerhatikan dan mengkaji corak-corak yang wujud pada badan dan sayapnya secara terperinci, kita akan kagum dengan keindahan warna dan corak yang terdapat pada kepek dan badannya. Di sini kita akan sedar dan akur terhadap kelebihan-kelebihan Allah (s.w.t)yang tiada tolok bandingnya.Tiada suatu kuasapun yang dapat mewujudkan corak-corak yang neutral seperti yang terdapat pada rama-rama.

Penghayatan yang mendalam terhadap sesuatu ciptaan tuhan itu akan pasti memberikan idea-idea yang menarik. Gabungan warna-warna yang tersendiri pada rama-rama terjadi kerana faktor alam. Warna-warna lembut dan garang bersifat semulajadi warna-warna yang wujud itu kelihatan lebih hidup dan segar.

Corak-corak pada rama-rama yang kelihatan agak organik dan geometrik ini bila ditampilkan ke atas fabrik akan meninggalkan kesan reka corak yang menarik yang pasti akan menjadi kegemaran ramai. Gabungan warna dan corak-coraknya yang bersifat dinamik tetap unggul, tidak kalah dengan rekaan-rekaan yang bermotifkan flora dan fauna pada pakaian.